



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DOA NAFI LULUS PERMIT TAPAK PERKHEMAHAN, LOKAL, HM -5	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	TAMBAH BAIK STRUKTUR JPV TERTAKLUK KERAJAAN, DALAM NEGERI, UM -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	ISU PADI ANGIN DI PERLIS JADI TUMPUAN	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	TIDAK SEMPAT TUAI PADI MATANG, LOKAL, HM -12	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
5.	RUGI RM5J SELEPAS 4,900 HEKTAR SAWAH TENGGELAM, NASIONAL, BH -8	
6.	WASPADA IMPORT TELUR ELAK PENULARAN SELESEMA BURUNG, LOKAL, HM -33	LAIN-LAIN
7.	HARGA TELUR AYAM IMPORT 50 SEN SEBIJI DAPAT PERMINTAAN, NASIONAL, BH -6	
8.	NEKAD TERJUN LAUT ELAK KENA CEKUP, NEGERI SELANGOR, SH -26	
9.	TIGA BOT, 6 NELAYAN DITANGKAP GUNA BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -14	
10.	TENGGUJUH ANCAM PENTERNAK IKAN, NEGARA, KOSMO -12	
11.	INCREASING EGG PRODUCTION A BETTER SOLUTION., NATION, THE STAR -10	
12.	SUFFICIENT FOOD IN SABAH TILL CNY, HOME, BORNEO POST -1,2	
13.	SABAH'S FISH CONSUMPTION RATE ESTIMATED AT 46.4 KILOGRAMS PER YEAR – JEFFREY, HOME, BORNEO POST -1,2	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	HARIAN METRO	LOKAL	5

DOA nafi lulus permit tapak perkhemahan

Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian (DOA) menegaskan pihaknya tidak terbabit langsung dalam sebarang perkara berkaitan kelulusan permit tapak perkhemahan Father's Organic Farm seperti didakwa oleh pengendalinya, Frankie Tan.

DOA dalam satu kenyataan semalam berkata, dakwaan itu tidak benar sama sekali dan pihaknya mahu memaklumkan bahawa peranan DOA adalah hanya memberi khidmat nasihat berkaitan proses dan kaedah untuk mendapatkan pensijilan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) serta lawatan berkaitan proses pensijilan di tapak perkhemahan itu.

"DOA khususnya Pejabat Pertanian Daerah Hu-

lu Selangor tidak pernah memberi ulasan atau berbincang berkenaan perkara itu kepada pengusaha Father's Organic Farm berkaitan permit tapak perkhemahan dan sebagainya kerana perkara itu adalah di luar bidang kuasa DOA.

"Selain itu, DOA tidak mempunyai kuasa untuk memberi permit, lesen atau khidmat nasihat kepada mana-mana pengusaha yang menyediakan tapak perkhemahan," menurut DOA semalam.

Sebelum ini, dilaporkan dalam satu sidang media, Frankie menyatakan pihaknya tidak dapat membuat permohonan mendapatkan lesen tapak perkhemahan kerana permit seperti itu tidak wujud.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Tambah baik struktur JPV tertakluk kerajaan

PETALING JAYA: Sebarang penambahbaikan ke atas struktur operasi dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Menerusi kenyataan jabatan itu, sebarang penempatan juga adalah melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar aktif mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan tidak kira pemain industri ternakan atau penternak kecil.

"Sesi libat urus ini bagi memastikan kesemua pihak sentiasa cakna dengan keperluan dan perkembangan semasa dalam sektor ternakan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan rakyat negara ini," katanya.

Dalam pada itu, jabatan itu sentiasa melaksanakan pelbagai penyelidikan dalam membangunkan teknologi dan kaedah terkini dalam bidang kesihatan haiwan, zoonosis (penyakit haiwan berjangkit kepada manusia), kesihatan awam veterinar dan sistem pengeluaran makanan.

Katanya, tugas itu didukung oleh pegawai penyidik daripada pelbagai latar belakang pendidikan seperti Ijazah Sains Haiwan, Pertanian (Sains Ternakan), Genetik, Molekular, Alam Sekitar, Biokimia, Mikrobiologi, Parasitologi, Agronomi, Teknologi Maklumat dan Perangkaan.

"Jabatan turut komited memberi bantuan dari segi khidmat nasihat serta melalui skim-skim tertentu kepada para penternak di seluruh negara bagi memastikan keberhasilan serta kejayaan pengeluaran ternakan dalam negara," katanya.

Isu padi angin di Perlis jadi tumpuan

KANGAR - Isu padi angin yang membelenggu sebilangan pesawah di Perlis mendapat perhatian kerajaan negeri menerusi beberapa langkah yang dilaksanakan bagi memastikan hasil pengeluaran tanaman itu tidak terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, antara langkah yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi mengatasi permasalahan itu adalah dengan memastikan penggunaan benih padi sah menerusi pengeluaran yang diantik.

"Selain itu, MADA turut menyediakan Senarai Semakan Tanaman Padi sebagai panduan kepada pesawah bagi mengawal serangan padi angin dengan memberi penekanan bermula daripada peringkat pemilihan benih yang sah.

"Malah pesawah juga digalakkan menggunakan kaedah menanam secara mencedung atau jentanam yang berkesan mengatasi isu padi angin ini," katanya pada Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri

SIDANG DUN PERLIS

(DUN) Perlis Ke-15 semalam.

Kebiasaannya, pesawah tidak dapat membezakan antara pokok padi dan padi angin sehingga mendorong kepada pengurangan hasil tanaman mereka.

Razali berkata demikian sewaktu menjawab pertanyaan lisan dikemukakan oleh Abu Bakar Hamzah (PN-Kuala Perlis) berhubung langkah diambil kerajaan negeri khususnya MADA dalam mengatasi isu padi angin.

Dalam pada itu, Razali berkata, Jabatan Pertanian Negeri Perlis turut mengambil beberapa langkah bagi mengatasi isu tersebut antaranya dengan menjalankan Bancian Pengesanan dan Ramalan (P&R) dan lawatan diagnostik sekiranya menerima aduan berkaitan padi angin.



SEBILANGAN pesawah di Perlis terkesan berikutan masalah padi angin yang dihadapi mereka. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Tidak sempat tuai padi matang

4,900 hektar sawah di Pekan tenggelam babit kerugian RM5j

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Pekan

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan mengenal pasti kawasan seluas 4,900 hektar sawah di daerah ini ditenggelami banjir menyebabkan kerugian kira-kira RM5 juta.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhammad Khalil Idris, berkata, terdapat enam kawasan skim sawah diusahakan oleh 2,200 pesawah tempatan yang ditenggelami banjir, minggu lalu.

Menurutnya, kawasan terbabit ialah Skim Serandu, Skim Mambang, Skim Pulau Tambun, Skim Gan-



Pemilik sawah yang ditenggelami banjir berpeluang menerima bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) daripada kerajaan

Muhamad Khalil

chong, Skim Pahang Tua dan Skim Merchong yang mengusahakan tanaman padi dua kali setahun.

Katanya, faktor hujan berterusan sejak November lalu hingga kini menyebabkan berlaku banjir di kawasan terbabit hingga mencapai setinggi kira-kira satu meter.

“Kerajaan melalui IADA Pekan dan Jabatan Pertanian Pahang berusaha mengumpulkan maklumat terkini selain melakukan penilaian kerosakan sebenar tanaman padi di kawasan sawah yang keadaan banjir mulai surut.

“Kita turut memantau secara berterusan di kawasan yang masih ditenggelami air dan maklumat disalurkan secara berkala kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk tindakan susulan,” katanya.

Menurutnya, banjir yang berlaku kali ini menyebabkan ramai pesawah tidak sempat menuai padi yang sudah matang.

Muhamad Khalil berkata, pesawah menukar jadual

tanaman padi musim kedua kali ini dengan mengawalinya bagi mengelak kejadian banjir, namun berlaku sebaliknya apabila hujan melanda sejak November lalu tidak seperti biasa pada bulan ini.

“Pemilik sawah yang ditenggelami banjir berpeluang menerima bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) daripada kerajaan iaitu wang ihsan bagi menampung beban sebahagian kerugian yang ditanggung pesawah terbabit,” katanya.

Kelmarin, seramai 90 pesawah Kumpulan Pengguna Air (KPA) Mawar, Kampung Langgar di Pahang Tua, di sini, kerugian lebih RM900,000 selepas tanaman padi mereka yang sedang berbuah ditenggelami banjir, minggu lalu.



PESAWAH, Tengku Azizul Rahman Tengku Adee Azran menunjukkan potok padi yang sudah berbuah musnah selepas ditenggelami banjir di Kampung Langgar, Pekan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Rugi RM5j selepas 4,900 hektar sawah tenggelam

Jabatan Pertanian Pahang kumpul maklumat, nilai kerosakan tanaman padi

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: Sawah 4,900 hektar di daerah ini ditenggelami banjir minggu lalu, menyebabkan kerugian kira-kira RM5 juta.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhammad Khalil Idris, berkata enam kawasan skim sawah di Pekan, diusahakan 2,200 pesawah tempatan musnah kerana ditenggelami banjir.

Bellau berkata, ini membabitkan Skim Serandu, Skim Mambang, Skim Pulau Tambun, Skim Ganchong, Skim Pahang Tua dan Skim Merchong, yang mengusahakan tanaman padi dua kali setahun.

Katanya, hujan berterusan sejak November lalu hingga kini menyebabkan banjir berlaku di kawasan terbabit hingga mencapai setinggi kira-kira satu meter.

"IADA Pekan dan Jabatan Pertanian Pahang kini berusaha mengumpulkan maklumat terkini, selain melakukan penilaian kerosakan sebenar tanaman padi di



Muhamad Khalil (kanan) bersama pesawah Ibrahim Sulaiman melihat padi yang sedang berbuah musnah selepas ditenggelami banjir di Kampung Langgar, Pekan. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)



kawasan sawah yang banjir telah surut.

"Kita juga memantau secara berterusan kawasan yang ma-

sih ditenggelami air. Maklumat disalurkan secara berkala kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk tindakan susulan," katanya.

Muhamad Khalil berkata, banjir yang berlaku kali ini menyebabkan ramai pesawah tidak sempat menuai padi yang sudah matang dan padi rosak, selepas tiga hari ditenggelami air.

Tukar jadual penanaman

Beliau berkata, pesawah menukar jadual menanam padi musim kedua kali ini dengan mengawal bagi mengelak kejadian

banjir, namun musim hujan bermula awal iaitu bulan lalu, berbanding kebiasaannya pada Disember.

Katanya, pesawah yang terbabit dengan kejadian berkenaan akan menerima bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi.

"Tabung yang disediakan kerajaan bukan ganti rugi, sebaliknya wang ihsan bagi menampung beban kerugian yang ditanggung pesawah terbabit," katanya.

Tahun lalu, seramai 1,203 pesawah di daerah ini menerima dana tabung berkenaan berjumlah RM3.21 juta.

Waspada import telur elak penularan selesema burung

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FL-FAM) mahu kerajaan mengawal selia kemasukan telur ayam import dari India dengan lebih ketat bagi memastikan wabak selesema burung tidak menular dalam Malaysia.

Timbalan Presiden FL-FAM Lee Yoon Yeau berkata, langkah kerajaan mengimport telur ayam dari luar negara itu dialu-alukan bagi menampung kekurangan bekalan di Malaysia, namun aspek keselamatan makanan perlu dititik beratkan.

"Kita tiada masalah dengan import telur ayam tetapi kita harap kerajaan memperketatkan prosedur kemasukan bahan itu kerana kita bimbang dan tidak mahu wabak selesema burung masuk Malaysia sekali gus menjejaskan penternak.

"Buat masa ini, Malaysia bebas wabak itu kerana fasiliti ladang kita canggih dan berteknologi tinggi serta mematuhi prosedur operasi standard ditetapkan Jabatan Veterinar," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas langkah kerajaan mengimport dua hingga 10 juta telur ayam sehari dari luar negara seperti India bagi menangani masalah kekurangan bekalan di pasaran tempatan.

Mengulas lanjut, Lee berkata, faktor kekurangan bekalan telur di Malaysia disebabkan penternak kerugian besar selama dua tahun kesan kenaikan harga makanan ayam selain permintaan telur yang semakin meningkat.

Dalam masa sama, katanya, kerajaan bermula Fe-

bruari hingga September lalu menetapkan harga siling 40 sen untuk sebiji telur sedangkan kos operasi pengeluaran sebiji telur ialah 45 sen ke atas menyebabkan penternak rugi, selain tuntutan untuk subsidi makanan masa sebulan hingga tiga bulan.

"Jadi, sebagai alternatif untuk mendapatkan aliran tunai untuk pusing modal dan tampung kos operasi penternak menukar sedikit pengeluaran telur biasa (gred A, B dan C) kepada telur omega kerana tiada harga kawalan.

"Apa yang kita perhatikan trend permintaan telur ayam juga semakin meningkat antara

15 hingga 20 peratus dalam tempoh dua bulan ini disebabkan kenaikan harga barang, ikan serta sayur,"

katanya yang turut memakium-

kan isu kekurangan telur di negara ini dijangka pulih dalam tempoh enam bulan.

Mengenai dakwaan kartel mengawal industri itu hingga mengakibatkan krisis kekurangan telur, Lee menafikan perkara itu serta meminta kerajaan mahupun pihak berkuasa mengambil tindakan tegas jika ia berlaku.

"Telur mana boleh ada kartel. Pengeluaran telur mengikut permintaan dan kita terus hantar kepada pembekal cepat mana boleh simpan lama-lama nanti busuk kita juga rugi.

"Jadi jangan main tuduh-tuduh kalau betul ada buat macam itu (kartel), bukannya penguat kuasa ada, siasat dan tangkaplah," katanya.

“
Telur mana
boleh ada kartel
Pengeluaran telur
mengikut
permintaan
Lee Yoon Yeau”



PENGGUNA membeli bekalan telur yang baru tiba kerana tinjauan di sebuah pasar raya di Seri Kembangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Harga telur ayam import 50 sen sebiji dapat permintaan

Kuala Lumpur: Telur ayam yang diimport dari India untuk memenuhi keperluan pengguna negara ini, dijual pada harga 50 sen sebiji, lebih mahal daripada telur Gred A, walaupun saiznya kecil daripada Gred C tempatan.

Ketika ini, telur Gred C tempatan dijual pada harga 41 sen sebiji, manakala Gred A pula adalah 45 sen sebiji.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin, mengakui harga telur import itu lebih mahal, namun ia masih mendapat permintaan pengguna.

"Walaupun saiz telur import itu lebih kecil daripada Gred C, manakala harganya lebih mahal daripada Gred A, namun sekurang-kurangnya kita ada bekalan itu, terutama ia sumber protein paling murah boleh didapati.

"Kebanyakan makanan di negara ini memerlukan telur, disebabkan itu ia tetap ada pembeli, walaupun harganya sebegini," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan, selain bagi tujuan mengawal harganya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan 100,000 biji telur.

Sementara itu, mengulas lanjut mengenai telur ayam import yang diterima oleh pasar raya Mydin, Ameer berkata, ketika ini bekalan diperolehi mereka hanya cukup untuk dijual menerusi cawangan Subang Jaya.

"Telur ayam import itu diterima dan selakat ini dianggarkan jumlah itu cukup menampung bekalan antara dua hingga tiga hari di cawangan Subang Jaya.

"Minggu depan akan masuk lagi bekalannya dan akan diagihkan kepada semua cawangan Mydin di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Ameer berharap selepas telur ayam kembali stabil, kerajaan memblarkan ia dijual pada harga pasaran, tidak meletakkannya di bawah harga kawalan.

Katanya, kerajaan tidak perlu takut kenaikan harga telur ayam kerana mengikut perkiraan ia hanya akan meningkat sekitar lima hingga tujuh sen sahaja.

Malah katanya, tindakan itu juga dapat mengelakkan pembekal 'main harga' dengan mengenakan caj tambahan kepada perkara lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	26

Nekad terjun laut elak kena cekup

SHAH ALAM - Tiga awak-awak warga Myanmar nekad terjun ke laut meloloskan diri daripada ditahan Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor di kedudukan 1.8 batu nautika Barat Daya Sekinchan di sini pada Rabu.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim V Siva Kumar berkata, ketiga-tiga mereka berusia lingkungan antara 20 hingga 55 tahun itu dikesan melakukan aktiviti menangkap ikan meng-

gunakan lima set bubu naga pada jam 1.45 petang.

Menurut beliau, ketiga-tiga mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sah selain menggunakan bot tidak mempunyai nombor pendaftaran.

"Usaha mencari ketiga-tiga lelaki terbabit masih dijalankan dan sehingga kini mereka belum dijumpai," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Siva Kumar berkata, selain tiga lelaki terbabit, pihaknya terlebih dahulu menahan enam lelaki di dua bot berbeza sekitar jam 1 petang Rabu.

"Bot pertama ditahan di kedudukan 1.5 batu nautika barat daya Sekinchan. Hasil pemeriksaan mendapati tiga warga Myanmar tersebut tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sah berada di atas bot tersebut berserta 60 set bubu naga dipercayai digunakan untuk melakukan aktiviti menangkap ikan.

"Bot kedua yang berada berhampiran ditahan kira-kira jam 1.20 petang, manakala pemeriksaan mendapati bot tersebut juga dikendalikan oleh tiga warga Myanmar tanpa dokumen pengenalan diri sah bersama 70 set bubu naga di atas bot tersebut," kata beliau.

Ketiga-tiga kes itu disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana menggunakan bot menangkap ikan tanpa lesen Jabatan Perikanan Malaysia serta menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan dan pekerja asing tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah.



Maritim Selangor merampas bubu naga digunakan nelayan untuk melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Sekinchan pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2022	KOSMO	NEGARA	14

Tiga bot, 6 nelayan ditangkap guna bubu naga

SABAK BERNAM - Kegiatan nelayan asing menangkap ikan menggunakan bubu naga tumpas dengan penahanan enam individu dan tiga bot di sekitar perairan Sekinchan di sini semalam.

Kesemua lelaki warga Myanmar berusia 20 hingga 55 tahun itu diberkas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) secara berasingan dalam tempoh 45 minit bermula pukul 1 tengah hari.

Turut dirampas, sebanyak 135 set bumbu naga yang ditemui di semua bot fiber tiada

nombor pendaftaran tersebut.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, hasil pemeriksaan terhadap keenam-enam warga asing itu mendapati mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

Katanya, susulan penangkapan mereka yang menaiki dua buah bot itu juga membawa kepada rampasan 130 set bubu naga dipercayai digunakan bagi menangkap hasil laut.

"Kita juga telah menahan sebuah bot lagi dinaiki tiga awak

awak dan merampas lima lagi set bubu naga.

"Bagaimanapun, ketiga-tiga individu itu berjaya meloloskan diri dan gagal dikesan selepas bertindak terjun ke laut," katanya.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Jelas Siva Kumar, penangkapan ikan atau hasil laut menggunakan bubu naga boleh mengancam pertumbuhan habitat marin yang berpotensi pupus selain menjejaskan sumber pendapatan nelayan pantai.

Pengusaha bimbang alami kerugian jika sangkar pecah, ikan terlepas

Tengkujuh ancaman penternak ikan

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

TEMERLOH – Ikan mati dan terlepas. Itu antara kebimbangan yang menghantui penternak ikan sangkar di Sungai Semantan dan Sungai Pahang di sini setiap kali musim hujan.

Bukan sahaja sampah kecil dan tanah boleh melekat diinsang menyebabkan ikan mati, tetapi sangkar diancam dengan kayu dan pokok hanyut yang boleh memusnahkannya dalam sekelip mata.

Setiausaha Persatuan Penternak Ikan Sangkar Sungai Semantan, Muhammad Fikri Abdul Rahman berkata, penternak ikan sangkar hidup kini berada dalam kebimbangan kerana berhadapan dengan kerugian setiap kali musim hujan pada penghujung tahun.

"Setiap kali musim hujan, sampah yang banyak dan lumpur menutupi insang ikan menyebabkan ada sahaja yang mati setiap hari.

"Malah ancaman yang boleh menyebabkan kerugian besar adalah pokok-pokok yang hanyut seperti perdu buluh yang boleh merosakkan sangkar dan menyebabkan ikan yang ada terlepas keluar.

"Baru-baru ini, satu perdu buhul besar yang hanyut telah merosakkan banyak sangkar ikan dan terdapat pokok di tebing yang tumbang ke atas sangkar penternak baru-baru ini," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pada masa ini, terdapat lebih 70 sangkar ikan di Sungai Semantan milik individu yang berdaftar dengan persatuan itu.

Bagaimanapun katanya, banyak lagi sangkar individu yang tidak berdaftar.

Dalam pada itu, beliau berkata, berdasarkan pemantauan, pihaknya terdapat banyak pokok di tebing sungai itu yang berisiko untuk tumbang ekoran hakisan tebing.

Ujarnya, perkara itu telah diadukan kepada pihak berkaitan

dan sehingga kini masih tiada apa-apa tindakan tuntas dilakukan.

"Apa lagi kami boleh buat selain bergotong-royong memberikan pokok yang hanyut dan tersangkut.

"Kami berharap pihak berkaitan dapat membantu kerana masalah ini telah berlarutan dan banyak lagi pokok yang boleh memberi ancaman," katanya.

Sementara itu seorang penternak ikan, Nazimi Mohamad Rozi,38, berkata, keadaan air pasang besar akibat hujan lebat dan kemudian surut telah menjejaskan kualiti air.

Ujarnya, keadaan ini menyebabkan banyak ikan terutama ikan-ikan kecil mati akibat fenomena tersebut sehingga membebankan penternak ikan sangkar.

"Hari-hari ada sahaja ikan mati.

"Jadi, kami tidak tahu hendak buat apa lagi kerana pelbagai ancaman yang dihadapi khususnya ketika musim hujan,"ujarnya.



KEADAPAN sangkar ikan milik pengusaha yang musnah akibat dilanggar perdu buluh hanyut di Sungai Semantan, Temerloh baru-baru ini.

'Increasing egg production a better solution'

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Traders are urging the government to lift price controls on eggs to help breeders increase production, saying that this is a better solution than importing eggs to overcome the continuing shortage.

Chicken egg imports from India arrived in the country on Dec 19.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the imported eggs at its outlets had sold out quickly.

"The second batch arrives today (yesterday)," he said.

According to him, the imported chicken eggs are likely categorised as Grade D, with the weight being 55g, lighter than Grade C eggs that weigh between 55g and 59g.

He said a tray of imported eggs sold at RM14.90 for 30 eggs or 50 sen each, and the price is higher compared to Grade A ones at 45 sen each, Grade B (43 sen) and Grade C (41 sen) in Peninsular Malaysia, but cheaper than Omega eggs, which costs 65 sen each.

Ameer said consumers had been buying Omega eggs when the regular eggs were in short supply, and now imported eggs are an option for them.

He said that as a long-term solution, the government should deal with local egg breeders as consumers cannot afford to keep paying higher prices.

On Tuesday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government would import between two million and 10 million eggs daily from India starting yesterday until the supply in the country stabilises.

Supermarket chain NSK Group senior adviser Datuk Lim Choon Se said the company does not plan to sell imported chicken eggs.

"We have no idea where to get them, but we prefer local eggs.

"Our stand remains - limit consumer buying. It should be enough for consumers," he added.

Federation of Sundry Goods Merchants Associations of Malaysia president Hong Chee Meng raised concerns about imported eggs and how to handle and prepare them carefully to prevent the spread of salmonella.

Headline	Sufficient food in Sabah till CNY		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	23 Dec 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1,2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,007
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,021



Sufficient food in Sabah till CNY

KOTA KINABALU: The Agriculture and Fisheries Ministry has assured that the supply of food and necessities in the state will be sufficient throughout the festive season until Chinese New Year (CNY) 2023.

Its Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey G. Kitingan said in a statement that they will continue to ensure stable and sufficient food supply throughout the festive season until the preparation to celebrate the Chinese New Year at the end of January 2023.

He said that initial steps have been taken by the Ministry to ensure that the issue of lack of supply will not arise and food supply stocks which are basic



Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey G. Kitingan

needs such as eggs, meat, chickens, fish, fruits and vegetables are at a stable and sufficient level.

"In general, the food supply for vegetable and fruit commodities in the state is sufficient. Based on data from the Sabah Agriculture Department in 2021,

the production of three types of vegetables, namely round cabbages, red chillies and tomatoes are 7,788 tons, 741 tons and 1,162 tons respectively compared to the requirements of 8,274 tons, 736 tons and 1,383 tons.

"In order to meet the lack of needs that year, Sabah imported 578 tons, 32 tons and 471 tons of the said vegetables respectively.

"For this year, the estimated production of the same type of vegetables are 8,411 tons, 800 tons and 1,255 tons respectively," he said.

He further said that while the needs throughout the year are estimated at 8,278 tons, 758 tons and 1,414 tons, estimated

requirements throughout the month of January 2023 are 0.68 tons of round cabbages, 0.06 tons of red chillies and 0.12 tons of tomatoes.

"Based on the record of the entry of agricultural consignments, the Sabah Department of Agriculture in November 2022 recorded an application of 23,000 kilograms of red chillies to be brought into the state.

"From the fisheries sector based on data from the Fisheries Department, Sabah is the only producer of fish supply that exceeds the needs of its population with a Self Sufficiency Level (SSL) of over 100 per cent.

• Turn to Page 2, Col 5

Headline	Sufficient food in Sabah till CNY		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	23 Dec 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1,2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,007
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,021

Sabah's fish consumption rate estimated at 46.4 kilograms per year — Jeffrey

> From Page 1

"Sabah's fish consumption rate (PCC) is estimated at 46.4 kilograms per year, the gross production of fish in Sabah in 2021 was recorded at 405,501.31 metric tons.

"This production shows an increase trend of 1.14 per cent from the previous year, 53.31% is from the captured fisheries subsector which is 216,319 metric tons, while from the aquaculture subsector is 46.65% per cent which is 189,307 metric tons and a small contribution of land fishing 0.04 per cent around 175.68 metric tons," he explained.

However, he further explained that for the source of supply for the local people's consumption, the result of captured fish is more dominant because the landing of "people's fish" is the most namely Basung, Kembung, Tulai, Kayu, Tuna and so on.

"Aquaculture products produced partly for export purposes are pond prawns, seaweed and cage fish.

"The estimated catch fisheries landing as of November this year is 203,356.26 metric tons. Based on this trend, the Ministry is confident that the supply of fish in Sabah throughout the festive season is sufficient.

Jeffrey said that the Ministry assured and advised the people in Sabah not to worry about it.

"If it is possible that the price may increase slightly than usual, it is normal to happen at every festival, but it is only for a short period of time.

"Many fishing operators in

this state have factories with cold storage boxes (cold-room) to store excess fish caught in certain months.

"They will release stock of fish for sale when the supply of fish is reduced, especially during the festive season.

"In addition, every year from December to March is the monsoon season which is risky for fishermen to go to the sea to operate and of course the operators of commercial vessels are expected to rest for three to five days during the festive season and it is expected that there will be a slight reduction in landings.

"Meanwhile, based on data from the Veterinary Services Department, the supply of livestock commodities such as chicken meat, pork and chicken eggs is also sufficient to cover domestic needs even if there is a slight downward trend," he explained.

Jeffrey explained that the production of chicken eggs is still under control, which are 2.7 million eggs per day to cover domestic needs.

"There is a slight decrease in the production of chicken meat which is an average of 10 percent to 15 per cent and pork is 30 per cent.

"Although there is a slight decrease in terms of chicken and pork productions, the supply is still sufficient and can cover domestic needs.

"For this year, the production of chicken meat is 32 million chickens a year with the number slaughtered at 90,000 a day while pig is 109,500 a year or 300 a day," he added.